
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2008/2009

April/Mei 2009

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa: 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan. **Soalan SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Jawab **LIMA (5)** dari soalan-soalan di bawah.
 - (a) Namakan dua tokoh perhubungan awam antarabangsa dan jelaskan sumbangan mereka dalam bidang ini.
 - (b) Sebuah pertubuhan perhubungan awal di Malaysia ditubuhkan pada awal 1960an. Nyatakan nama pertubuhan itu dan jelaskan peranannya dalam meningkatkan taraf pendidikan pengamal perhubungan awam di negara ini.
 - (c) Jelaskan jenis-jenis perhubungan awam.
 - (d) Perihalkan model-model perhubungan awam yang dikemukakan oleh Grunig dan Hunt (1984) dan bincangkan penggunaannya dalam konteks organisasi di Malaysia.
 - (e) Terangkan beberapa perkhidmatan yang ditawarkan oleh perunding atau agensi perhubungan awam.
 - (f) Dengan menggunakan contoh yang berkaitan, huraikan kategori penyelidikan dalam perhubungan awam.
 - (g) Terangkan alat-alat yang digunakan pengamal perhubungan awam untuk mendapatkan liputan media.
 - (h) Apakah kegunaan penerbitan dalaman sesuatu organisasi. Bincangkan jawapan anda dengan memberikan contoh yang sesuai.

2. Menurut Cutlip, Center & Broom (2006) “merangka mesej perhubungan awam untuk media dan pengampang media memerlukan pengamalnya memberi perhatian kepada nilai berita mesej tersebut.” Bincangkan dengan terperinci kriteria yang digunakan oleh pengampang media (*gatekeeper*) untuk menentukan nilai berita bagi sesuatu mesej perhubungan awam.

3. Salah satu program kelestarian Kampus Sejahtera (Healthy Campus) USM ialah melaksanakan kempen kitar semula di kampus induk untuk tahun 2009. Masyarakat kampus didapati tidak mengitar semula bahan buangan mereka walaupun kesedaran kitar semula adalah tinggi.

Anda diminta menyediakan kertas cadangan untuk kempen tersebut. Aplikasikan proses perhubungan awam dalam kempen yang dicadangkan.